

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan asas kelewatan menyediakan peruntukan terhadap menaik taraf loji air (Rumah Pam) di Gurun dalam Parlimen Jerai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan kerajaan Negeri terutamanya pihak berkuasa air negeri dalam usaha untuk meningkatkan liputan bekalan air kepada penduduk luar bandar.

Dalam hal ini, kesemua permohonan projek bekalan air luar bandar yang diterima Kementerian ini telah diperhalusi di peringkat negeri dan disusun mengikut keutamaan. Oleh yang demikian, sebarang permohonan boleh dikemukakan kepada Unit Perancang Negeri (UPEN) untuk disenaraikan di dalam senarai keutamaan negeri dan seterusnya dipanjangkan kepada Kementerian untuk pertimbangan selanjutnya.

Walau bagaimanapun, kelulusan projek-projek ini adalah tertakluk kepada keupayaan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.